

أنق كونچي شرڪا

# ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-  
INDUNISI AL-MANDILI** رحمه الله

disyarahkan oleh

*abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi*  
*semoga Allahmengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah*

“AQA’ID AL-IMAN”  
Nota Kuliah Siri 4 (ms 8-9)



# ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau, Meru Kapar Selangor Darul Ehsan

Hp : +6013-2959766, E-mail : idrus.cbtc@yahoo.com

---

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

اَنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُه وَنَسْتَعِينُه وَنَسْتَغْفِرُه ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ انفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ اَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ ، وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيٌ لَهُ ، وَاشْهَدُ اَنْ لَا إِلَهَ اِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ،  
وَاشْهَدُ اَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .

يَا اَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقّ تُقَاتَهِ وَلَا تَمُوتُنَ اِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

(al-Imran:102)

يَا اَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبِّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَهَا وَبَثَ مِنْهُمَا رِجَالًا كَثِيرًا  
وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ وَالْأَرْحَامَ ، اِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .

(An-Nisaa':1)

يَا اَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَقُولُوا قَوْلًا سَدِيدًا ، يُصْلِحُ لَكُمْ اَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرُ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ، وَمَنْ  
يُطِعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا

(Al-Ahzab:70-71)

اَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ اَصْدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَاحْسِنْ الْهَدِيَ هَدِيُّ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ  
وَسَلَّمَ ، وَشَرَّ الْاُمُورِ مُحَدَّثَتَهَا ، وَكُلَّ مُحَدَّثَةٍ بَدْعَةٌ ، وَكُلَّ بَدْعَةٍ ضَلَالٌ ، وَكُلَّ ضَلَالٍ فِي النَّارِ.<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu'alaifi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu'alaifi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahhu'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu'alaifi wa sallam* *sallallahu'alaifi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118), an-Nasaai(III/104-105), at-Tirmidzi(n0. 1105), Ibnu Majah (no.1892),,,al-Hakim(II/182-83),,,ath-Thayalisi (no.336), Abu Ya'la(no.5211), ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi ( III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahhu'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata;"Khutbah ini adalah sunnah,dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah,fiqh,menasihati orang dan semacamnya...Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahhuhanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah,sebahagian kepada sebahagian yang lainnya..."(Majmuu' Fataawa Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku "Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah" oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

## Matan Dari Kitab “Anak Kunci Syurga” dari mukasurat 8-9<sup>2</sup>

### “AOA’ID AL-IMAN”

#### **TIADA YANG DISEMBAH DENGAN SEBENAR YANG LAIN DARIPADA ALLAH**

- 1.0 Dan bahawa tiada ada yang disembah dengan sebenar yang lain daripada Allah Ta’ala,kerana firman-Nya:

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَحْدَهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦﴾

**Ertinya :** “Tiada ada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua, dan Ia Tuhan yang memberi nikmat yang sebesar-besar dan yang memberi ni’mat yang kecil-kecil.”

( Surah al Baqarah :Ayat 163)

- 2.0 Dan bahawa Allah itu Tuhan yang Maha Kuasa,tiada ada sesuatu yang melemahkan akan Dia, kerana firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

**Ertinya:** “Bahawa Allah itu sangat kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah al Baqarah: Ayat 20)

- 3.0 Dan bahawa tiada ada melainkan barang yang menghendaki Allah Ta’ala akan adanya,kerana firman-Nya;

إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿١٤﴾

**Ertinya :** “Bermula Allah itu sangat memperbuat ia akan barang yang menghendaki Ia akan dia.” ( Surah al Hajj :Ayat 14)

Dan berkata sekalian sahabat Nabi *sallallahu ’alaihi wa sallam*:

مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَاءْ لَمْ يَكُنْ

**Ertinya:** ” Barang yang berkehendak Allah Ta’ala akan adanya, nescaya ada ia, dan barang yang tiada berkehendak ia akan adanya, nescaya tiada ada ia.”

<sup>2</sup> Pernomboran perbahasan dari no.1 – 3 adalah dari saya untuk memudahkan penjelasan/syarah atas matan kitab ini

Berkata asy Syeikh Abdul Qadir al Mandili rahimahullah ;

**“*AQA’ID AL-IMAN*”**

## **TIADA YANG DISEMBAH DENGAN SEBENAR YANG LAIN DARIPADA ALLAH TA'ALA<sup>3</sup>**

Dan bahawa tiada ada yang disembah dengan sebenar yang lain daripada Allah Ta’ala, kerana firman-Nya:

**وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ**

**Ertinya** : “Tiada ada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua, dan Ia Tuhan yang memberi nikmat yang sebesar-besar dan yang memberi ni’mat yang kecil-kecil.” ( surah al Baqarah :Ayat 163)

S yarah :

Dalam perbahasan ini, asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* membawakan pernyataan di atas yang sangat penting dan merupakan **asas Aqidah yang paling utama** iaitu yang berkaitan dengan **iqrar syahadah** yang merupakan rukun Islam yang pertama .

Keseluruhan pernyataan tersebut, merupakan makna dari **Kalimah Syahadah** yang merupakan persaksian Tauhid iaitu **لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ** dan saya akan membahaskannya secara agak panjang lebar dan saya berikan tema perbahasan ini, iaitu :

**“Memahami Kalimah Syahadah Dan Tuntutannya”<sup>4</sup>**

<sup>3</sup> Tajuk ini diberikan oleh pihak yang mentransliterasikan kitab ini iaitu Ustazah Noraine Abu dari aslinya jawi ke tulisan rumi bagi memudahkan tema perbahasan. Dalam teks aslinya yang berbahasa jawi tidak ada tajuk ini.

<sup>4</sup> Pada point ini, asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* menjelaskannya secara ringkas dalam kitabnya yang lain iaitu “**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf**” pada point yang ke-4 ketika mensyarahkan matan yang berikut;

وَلَا إِلَهَ غَيْرُهُ

Terjemahan: "Dan tiada yang disembah dengan sebenar lain daripada-Nya."

*“Ini kalimah tauhid yang menyeru kepadanya oleh sekalian Rasul ‘alaihissalatu was salam. Dan bermula mengisbatkan tauhid dengan ini kalimah adalah ia dengan ditilik kepada nafi dan isbat yang memberi faham akan tersimpan ketuhanan itu pada Tuhan yang satu, kerana bahawa isbat sahaja kedatangan atasnya ikhtimal ada yang lain. Maka barangkali keranan inilah tatkala berfirman Allah Ta’ala:*

وَإِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ .....

Ertinya:"Bermula Tuhan kamu Tuhan yang satu..." (al Baqarah:163)

*Berfirman Ia kemudiannya:*

## A. Rukun Islam Yang Pertama Dan Teras Aqidah

- 1.1 Persaksian bahawa “**Tiada ilah**<sup>5</sup> yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah Ta’ala” merupakan kunci agama Islam, pokoknya agama, dan kuncinya Syurga. Tidak ada Islam bagi orang yang belum menyakini, mengucapkan, dan mengamalkannya!
- 1.2 Kalimah syahadah ini memiliki keutamaan-keutamaan yang sangat agung, yang begitu melimpah di dunia dan di akhirat hingga banyaknya faedah itu tak dapat dibayangkan serta dihitung.

Al Imam Ibnu Qayyim *rahimahullah* mengatakan;

*“Aku bersaksi bahawa tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan benar selain Allah. Kerana kalimat yang agung inilah ; berdirinya langit dan bumi,diciptakan seluruh makhluk,dengannya para Rasul-Rasul ‘alaihimussalatu was salam diutus,Kitab-kitab diturunkan dan berbagai syariat dibuat,kerana kalimah ini pula dipasang timbangan amal, dibuat catatan amal,adanya syurga dan neraka,manusia terpecah kepada mukmin dan kafir dan yang baik atau yang jahat, kerananya jihad ditegakkan dan merupakan kalimah yang paling banyak diucapkan saat azan,iqamah,solat ,khutbah dan sebagainya.*

*Kalimah ini merupakan sumber diciptakannya makhluk dan perintah, pahala dan siksa, dan dialah kebenaran yang menjadi landasan agama serta berdirinya kiblat.*

*Tentang kalimah ini pula, manusia pertama dan terakhir diminta pertanggungjawaban di hari kiamat sehingga kedua kaki seorang hamba tak akan berganjak dari hadapan Allah Ta’ala sebelum diajukan kepadanya dua pertanyaan:*

---

..... ﷺ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Ertinya:”...tiada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua Tuhan yang mengurniakan Rahmat yang besar-besar dan Rahmat yang kecil-kecil.”(al Baqarah:163)

Maka bahwasanya terkadang melintas di hati seseorang,bahwasanya Tuhan kita satu,maka bagi orang lain Tuhan yang lain,maka menolak Allah Ta’ala akan dia dengan firman-Nya:

..... ﷺ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ

Ertinya:”..tiada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua Tuhan yang mengurniakan Rahmat yang besar-besar dan Rahmat yang kecil-kecil.” (al Baqarah:163)

Selesai huraian asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* dalam kitabnya,”**Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf** mukasurat 50-51 terbitan Al-Hidayah.

<sup>5</sup> **Al-Baidhawi** *rahimahullah* berkata :”**al-Ilah** (الله) pada asalnya disematkan kepada setiap yang disembah,kemudian istilah tersebut digunakan khusus untuk yang berhak disembah saj,iaitu Allah Ta’ala. Dan asal dari kalimah ilah adalah : **الله - الا له - و لا له - و لا له** maknanya دع (menyembah) - (*Tafsir al-Baidhawi* (I/16)

*"Apa yang dahulu engkau sembah? Dan apa sambutanmu terhadap para Rasul?"*

Jawaban pertanyaan pertama :

- Adalah dengan menyatakan kalimah لا إله إلا الله secara ilmu, pengakuan dan amal.

Jawaban pertanyaan kedua :

- Adalah bahawa Muhammad adalah utusan Allah secara ilmu, pengakuan, dan ketaatan.

*Barangsiapa di dunia , yang mengucapkannya dengan jujur dari hatinya serta mengamalkan apa yang menjadi tuntutannya maka ia memperolehi kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Dan barangsiapa yang mengucapkannya dengan dusta maka di dunia darah dan hartanya terpelihara,sedang hisabnya diserahkan kepada Allah Ta'ala.<sup>6</sup>*

- 1.4 Sudah merupakan hal yang diketahui secara meluas di kalangan umat Islam,bahawa rukun Islam yang empat iaitu; **Solat,Zakat,Puasa** dan **Haji** memiliki **rukun<sup>7</sup>,syarat<sup>8</sup>** serta **pembatalnya**.

Sehingga tidaklah kita melakukan **keempat rukun Islam** tersebut kecuali **memerhatikan** ketiga hal tersebut (**rukun,syarat** dan **pembatal**). Kita tidak ingin amal perbuatan kita menjadi sia-sia ,gara-gara amalan yang dilakukan tidak sah disebabkan tidak memenuhi rukun atau syaratnya atau kerana berlaku pembatal terhadap amalan tersebut.

Namun sayang sekali **sebahagian dari kita lajai terhadap rukun Islam yang pertama ini**, iaitu berkaitan memenuhi tuntutan terhadap kalimat syahadah لا إله إلا الله iaitu dari segi rukun,syarat dan mengetahui pembatalnya. Sehingga di dapati mungkin ramai di antara kita yang mengucapkan kalimah syahadah namun tidak memenuhi rukun, syarat atau telah melakukan perkara-perkara yang boleh membatalkan pengucapannya.

Sungguh sangat mengkhawatirkan,sekiranya berlaku sebarang perlanggaran terhadap tiga perkara tersebut (rukun,syarat dan pembatal) akan mengakibatkan kerugian di akhirat kelak,sebagaimana yang digambarkan di dalam al Quran :

وَقَدْ مَنَّا إِلَىٰ مَا عَمِلُواٰ مِنْ عَمَلٍ فَجَعَلْنَاهُ هَبَاءً مَّنْثُرًا

<sup>6</sup> *Zaadul Ma'ad fii Hadyi Khairil 'Ibad*(I/34) oleh Ibnu Qayyim al Jauziyyah *rahimahullah*

<sup>7</sup> Bererti- Inti sesuatu dan yang termasuk dalam susunannya, sekaligus merupakan salah satu bahagian darinya.Dan hal itu tidak akan pernah ada kecuali dengannya.

<sup>8</sup> Bererti sesuatu yang dengan ketiadaannya mengharuskan ketiadaan sesuatu urusan, dan keberadaannya tidak mengharuskan keberadaan sesuatu urusan.Oleh itu,jika semua syarat atau sebahagiannya tidak ada,maka yang diisyaratkannya pun menjadi tidak ada.Dan keberadaan syarat tidak mengharuskan adanya yang disyaratkan.

“Dan Kami hadapi segala amal yang mereka kerjakan,lalu Kami jadikan amal itu(bagaikan) debu yang berterbangan.” (al Furqon:23)

Sekarang marilah kita sama-sama mempelajari dan memahami dua dari tiga perkara tersebut yang berkaitan syahadah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ dimulai dengan memahami maknanya,rukun dan syaratnya.

## B. Syarah Kalimah <sup>٩</sup> لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

### 2.1 Makna لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Makna yang benar dan tepat dari kalimah Syahadah ini adalah:

لا معبود بحق إلا الله

“Tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah”<sup>10</sup>.

<sup>9</sup> Banyak sekali nama-nama yang diberikan kepada kalimah ini selain **Kalimah Syahadah** iaitu ; *Kalimah Tauhid,Kalimah al Ikhlas,Kalimah al Ihsan,Kalimah al Haq,Kalimah Tayyibah,Kalimah al Adl,Kalimah Taqwa,Kalimah al Baqiyah,al-Qal ats Tsabit,Kalimah al-Ulya,Kalimah as Sawa’,Kalimah an-Najat*

<sup>10</sup> Tafsiran ini diambil dari perkataan para pakar tafsir al Quran seperti :

- Ath Thobari rahimahullah dalam *Jami 'ul Bayan fi Ta 'wilil Quran* ketika menafsirkan surah al An'am ayat 106 dan Hud ayat 14:

اتَّبِعْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِن رَّبِّكَ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَأَعْرِضْ عَنِ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٤﴾

“Ikutlah apa yang telah diwahyukan kepadamu dari Tuhanmu, tidak ada ilah melainkan Dia, dan berpalinglah dari orang-orang musyrik“.

Pada kalimat yang bergaris itu,beliau mengatakan:”**Tidak ada sesembahan yang berhak bagimu untuk mengikhaskan ibadah kecuali Allah**”.

فِإِلَمْ يَسْتَحْيِوْ لَكُمْ فَآعْمُوْ اَنْمَاءَ نَزَلَ بِعِلْمِ اللَّهِ وَأَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهَنَّ أَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ ﴿١٤﴾

“Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding Dengan Al-Quran), maka ketahuilah Bahawa Al-Quran itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan Bahawa tidak ada ilah selain Dia (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturnya?“

Pada kalimat bergaris,beliau mengatakan:”**Tidak ada sesembahan yang berhak mendapatkan uluhiyah(disembah oleh makhluk) kecuali Allah**“

- Ibnu Katsir rahimahullah dalam *Tafsir al Quran al A'zim* mengatakan tentang tafsir surah al Qashash ayat:70

وَهُوَ اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ لَهُ الْحَمْدُ فِي الْأَوَّلِ وَالْآخِرَةِ وَلَهُ الْحُكْمُ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٧٠﴾

“Dan Dia lah Allah tiada Tuhan melainkan dia. Segala puji tertentu bagiNya, di dunia dan di akhirat; dan hanyalah Dia Yang berkuasa menghukum, serta kepadaNyalah kamu semua dikembalikan.”

Pada ayat yang begaris,beliau berkata:”**Adalah Allah bersendirian dalam uluhiyah,tidak ada sesembahan selain Dia,sebagaimana tidak ada pencipta selain Dia**.”

- Fakhrudin al Razi rahimahullah dalam *Mafatihul Ghaib* ketika menafsirkan surah al An'am ayat:106

Iaitu beritikad dan berikrar bahwasanya tidak ada yang berhak disembah dan menerima ibadah kecuali Allah Ta'ala,mentaati hal tersebut dan mengamalkannya<sup>11</sup>.

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ menafikan hak penyembahan dari selain Allah Ta'ala, siapa pun orangnya.

Manakala لا إِلَهَ إِلَّا adalah penetapan hak Allah Ta'ala semata.

Kalimat yang agung ini mengandung makna bahawa hal-hal selain Allah Ta'ala bukan tuhan dan menuhankan selain-Nya adalah paling **batil**,paling **zalim** serta

---

ذَلِكُمُ اللَّهُ رَبُّكُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ خَالقُ كُلِّ شَيْءٍ فَاعْبُدُوهُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ وَكَفِيلٌ

“Yang demikian (sifat-sifatNya dan kekuasaanNya) ialah Allah Tuhan kamu, tiada ada ilah melainkan Dia, Yang menciptakan tiap-tiap sesuatu, maka sembahlah kamu kepadaNya. dan (ingatlah) Dia lah yang mentadbirkan segala-galanya.”

Pada ayat bergaris beliau berkata:”**Tidak ada yang berhak diibadahi kecuali Allah**,sedangkan yang dimaksudkan oleh ayat “maka sembahlah Dia”, adalah jangan menyembah selain-Nya

iv. As Suyuthi rahimahullah dalam al Jalalain, ketika menafsirkan ayat al Baqarah:255:

اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَقُّ الْقَوْمُ

“Allah, tiada ada ilah melainkan Dia, yang tetap hidup, yang kekal selama-lamanya mentadbirkan (sekalian makhlukNya). ”

Pada ayat bergaris,beliau berkata:”**Tidak ada sesembahan yang berhak disembah di alam semesta ini selain Allah.**”

Al Hafiz al Hakami rahimahullah dalam Ma'rij al Qabul I/325 membuat satu pertanyaan,mengapa makna yang tepat bagi adalah **Tidak ada ilah yang berhak disembah/diibadahi dengan benar melainkan Allah**? Kenapa perlu ditambahkan kalimat “yang disembah dengan benar”? Beliau menjawab:Kerana kenyataannya **banyak sesembahan yang disembah oleh manusia selain Allah di muka bumi ini**,sedangkan sesembahan-sesembahan itu tidak ada yang berhak disembah melainkan hanya Allah semata-mata.Bukti harus ditambah kalimat “*yang disembah dengan benar*” dapat dilihat pada firman Allah dalam surah Luqman ayat 30 :

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الْبَطَلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ أَعْلَمُ الْكَبِيرُ

“Yang demikian itu disebabkan Allah adalah(sesembahan) yang Haq(benar) ,adapun segala sesuatu yang mereka sembah selain-Nya adalah (sesembahan) yang batil.”

Begitu jugalah apa yang dinyatakan oleh Asy Syaukani rahimahullah dalam Fathul Qadir pada awal ayat kursi:

لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ

Pada ayat yang bergaris beliau berkata: **Tidak ada sesembahan yang benar kecuali Allah.**

Inilah di antara beberapa tafsiran para Ulama yang sangat mendalam ilmunya.Tafsiran mereka terhadap kalimah yang mulia ini walau pun dengan berbagai lafadz,namun kembali kepada satu makna iaitu makna adalah **Tidak ada ilah yang berhak disembah/diibadahi dengan benar melainkan Allah”**

<sup>11</sup> الاعتقاد والإقرار، أنه لا يستحق العبادة إلا الله، والتزام ذلك والعمل به

paling sesat dan syirik yang paling besar yang **tidak akan diampuni** oleh Allah Ta'ala selama-lamanya, kekal di dalam neraka selama-lamanya.

وَمَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ يَدْعُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ مَنْ لَا يَسْتَحِيْبُ لَهُ إِلَى يَوْمِ الْقِيَمَةِ وَهُمْ عَنْ دُعَائِهِمْ

غَافِلُونَ

"dan siapakah yang lebih sesat daripada orang-orang yang menyembah sembahannya-sembahan selain Allah, yang tidak dapat memperkenankan (doanya) sampai hari kiamat dan mereka lalai dari (memperhatikan) doa mereka?"

(al-Ahqaf:5-6)

وَإِذْ قَالَ لُقْمَانُ لِابْنِهِ وَهُوَ يَعْظُهُ يَبْنُي لَا تُشْرِكُ بِاللَّهِ إِنَّ الشَّرِكَ لَظُلْمٌ عَظِيمٌ ﴿١٣﴾

"dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, semasa ia memberi nasihat kepadanya." Hai anakku, janganlah engkau mempersekuatkan Allah, sesungguhnya mempersekuatkan (Allah) itu adalah benar-benar kezaliman yang sangat besar".(Luqman:13)

Banyak sekali ayat-ayat yang semakna dengan ayat-ayat di atas, semuanya menunjukkan makna لا إله إلا الله itu adalah **memurnikan ketaatan dan penyembahan hanya semata-mata kepada Allah Ta'ala dan menjauhi penyembahan kepada taghut.**<sup>12</sup>

Oleh kerana itu ketika Nabi *sallallahu 'alaihi wasallam* menyeru kaum kafir Quraisy ;

قولوا: لا إله إلا الله. قالوا:

"Katakanlah tiada ilah yang berhak diibadhi dengan benar selain Allah", mereka menjawab,

أَجَعَلَ اللَّهُ إِلَهًا وَاحِدًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عُجَابٌ ﴿٥﴾

"Mengapakah ia menjadikan ilah-ilah itu ilah yang satu saja? Sesungguhnya ini benar-benar suatu hal yang sangat mengherankan!" (Shad:5)

**Kaum kafir musyrikin Quraisy amat faham** dan tahu bahawa maksud kalimat tersebut adalah meniadakan ketuhanan terhadap selain Allah Ta'ala dan menetapkan ketuhanan itu hanya bagi Allah Ta'ala saja tanpa sekutu, kerana mereka adalah ahli dan pakar di bidang bahasa dan sangat menguasai bahasa Arab yang sebenarnya.

<sup>12</sup> Taghut itu banyak sekali jumlah dan bentuknya,namun pokok atau terasnya ada lima iaitu;

- i. Syaitan yang menyeru kepada penyembahan selain Allah Ta'ala
- ii. Penguasa yang zalim yang mengubah hukum-hukum Allah Ta'ala
- iii. Berhukum kepada selain apa yang diturunkan oleh Allah Ta'ala
- iv. Seseorang yang mengaku memiliki ilmu ghaib selain dari Allah Ta'ala
- v. Seseorang yang disembah selain Allah Ta'ala sedangkan dia bersetuju untuk dijadikan sebagai sesembahan

Dengan itu، لا إله إلا الله， meliputi makna **meniadakan** dan **menetapkan**, yakni ; Meniadakan ketuhanan terhadap segala sesuatu selain Allah Ta'ala. Jadi para malaikat, para Nabi, apalagi di bawah makhluk yang sangat mulia ini bukanlah Tuhan. Sedikit pun mereka tak berhak disembah.

Adapun **menetapkan**, maksudnya menetapkan ketuhanan hanya terhadap Allah Ta'ala semata. Ertinya seorang hamba tidak menuhankan selain Allah Ta'ala yakni tidak mempersesembahkan jenis peribadatan apa pun selain-Nya.

Oleh itu، لا إله إلا الله， bukanlah sebuah nama tanpa makna, ucapan tanpa hakikat, atau lafaz tanpa kandungan seperti anggapan sesetengah golongan yang mengatakan puncak، لا إله إلا الله， itu hanya mengucapkannya (berzikir) sahaja.

Natijahnya, ucapan، لا إله إلا الله menghasikan dua perkara ; iaitu di dunia dan akhirat.

Hasil di dunia **memasukkan seseorang itu ke dalam Islam** dan dengan itu diharamkan nyawanya dan harta bendanya di sisi agama. Ucapan، لا إله إلا الله ini juga **mengkafirkan** sesiapa sahaja yang enggan mengucapkannya.

Dalilnya adalah sabda Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wasallam*:

أَمْرَتُ أَنْ أَقَاتِ النَّاسَ حَتَّىْ يُؤْلُوْ لِلَّهِ إِلَّا إِلَهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ.

"Aku telah diperintahkan supaya memerangi manusia sehingga mereka mengucapkan: Tiada ilah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah dan sesungguhnya aku adalah Rasulullah". (Hadis Riwayat Bukhari)

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُوْ كَفَرَ بِمَا يُبَدِّلُ مِنْ دُونِ السَّمَوَاتِ وَدَمَّ.

"Sesiapa yang mengucapkan: "Tiada ilah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah " dan mengkufuri sembahyang selain Allah, maka harta dan kehormatannya terpelihara". (Hadis Riwayat Muslim no.HR Muslim no.23)

Ada pun hasil di akhirat ialah dianugerahkan syurga yang kekal abadi. Sabda Rasulullah *sallallahu'ala'ihi wa sallam*:

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ فَلَا يَدْخُلُ الْجَنَّةَ.

"Sesiapa yang mati sedangkan dia mengetahui bahwasanya tidak ada tuhan yang berhak diibadahi selain Allah, dia akan masuk syurga". (Hadis riwayat Muslim)

## 2.2 Rukun

Ada pun، لا إله إلا الله memiliki dua rukun iaitu ;

### i. An-Nafi - النفي (mengingkari/menafikan/meniadakan)

- Iaitu menafikan dan mengingkari semua yang disembah selain Allah Ta'ala.، لا إله إلا الله membantalkan syirik dengan segala bentuknya dan mewajibkan kekafiran terhadap segala apa yang disembah selain Allah Ta'ala.

## ii. *Al-Isbat*- الإثبات (menetapkan)

- Menetapkan ibadah hanya semata-mata untuk Allah Ta'ala sahaja. *إِلَّا* menetapkan bahawa tidak ada yang berhak disembah kecuali Allah Ta'ala dan mewajibkan pengamalan dengan segala tuntunannya.
- Jadi, kalimah ini sah kalau memenuhi dua rukun tersebut iaitu gabungan *nafi* dan *istbat*. Gabungan *nafi* dan *istbat* menghasilkan makna tauhid yang lebih murni jika dibandingkan hanya *istbat* sahaja.

Bandingkan antara dua ayat berikut:

- i. Zaid hadir dalam kuliah Suboh hari ini
- ii. Tidak ada seorang pun yang hadir dalam kuliah Suboh hari ini kecuali Zaid.

Ayat (i) hanya *istbat* sahaja dan ayat (ii) terdiri daripada *nafi* dan *istbat* bahawa Zaid hadir,tetapi tidak menafikan yang barangkali selain Zaid,juga hadir pelajar-pelajar lain.Sedangkan ayat (ii) menafikan kehadiran semua pelajar kecuali Zaid.

Jadi ayat (ii) mengandungi makna yang hadir hanya Zaid sendiri tanpa murid-murid yang lain seorang pun.

- Jadi,demikianlah makna *إِلَّا*,jika hanya dalam bentuk itsbat sahaja bahawa “*Aku menyembah Allah Ta'ala*”,itu tidak bermakna ,aku tidak menyembah tuhan yang lain selain Allah Ta'ala atau dengan kata lain: *Aku juga barangkali menyembah Tuhan lain selain Allah Ta'ala*.
- Dengan adanya gabungan *nafi* dan *istbat*,maka maknanya sangat jelas bahawa semua Tuhan tidak ada yang berhak disembah kecuali Allah Ta'ala.
- Dengan kata lain **gabungan nafi dan istbat** menghasilkan natijah yang lebih murni bahawa hanya Allah Ta'ala sahaja yang berhak disembah.Yakni sebagaimana tiada sekutu bagi-Nya dalam Rububiyyah-Nya seperti dalam penciptaan,kekuasaan,pemilikan dan lain-lain lagi,maka demikianlah juga dalam Uluhiyyah-Nya yakni tiada sekutu baginya dalam ibadah.

**Makna dua rukun** ini **banyak disebut** dalam ayat al-Quran seperti firman Allah Ta'ala:

فَمَنْ يَكُفُرُ بِالْطَّاغُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا أَنْفِصَامَ لَهَا وَأَنَّ اللَّهَ سَيِّعُ

عَلَيْمٌ

“Kerana itu,barangsiapa yang ingkar kepada taghut dan beriman kepada Allah,maka sesungguhnya dia telah berpegang kepada buhul yang amat kuat yang tidak akan putus.Dan Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui”(Al-Baqarah:256)

Firman Allah Ta'ala :

“barang siapa yang ingkar kepada taghut” itu adalah makna dari ﷺ , rukun yang pertama.

Sedangkan firman Allah Ta'ala:

“dan beriman kepada Allah”, adalah makna dari rukun yang kedua ﷺ .

Begitu pula firman Allah Ta'ala kepada Nabi Ibrahim 'alaihissalam :

وَإِذْ قَالَ إِبْرَاهِيمُ لِأَبِيهِ وَقَوْمِهِ إِنِّي بَرَاءٌ مِّمَّا تَعْبُدُونَ ﴿٤﴾ إِلَّا الَّذِي فَطَرَنِي فَإِنَّهُ رَّبِّيْهِ وَهُوَ أَكْبَرُ  
وَجَعَلَهَا كَلِمَةً بَاقِيَّةً فِي عَقِبِهِ لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿٥﴾

“Dan ingatlah ketika Ibrahim berkata kepada bapanya dan kaumnya: “Sesungguhnya aku berlepas diri dari apa yang kamu sembah,tetapi aku menyembah Tuhan yang menjadikanku, kerana sesungguhnya Dia akan memberi hidayah petunjuk kepadaku”. dan Ibrahim menjadikan kalimat tauhid itu kalimat yang kekal pada keturunnya supaya mereka kembali kepada kalimat tauhid itu.”

(Az-Zukhruf:26-28)

Firman Allah Ta'ala :

“Sesungguhnya aku berlepas diri” ini adalah makna *nafyu* (peniadaan) dalam rukun pertama.

Sedangkan perkataan,:

“Tetapi (aku menyembah) Tuhan yang menjadikanku” adalah makna *istbat*(penetapan) pada rukun yang kedua.

Kesimpulannya, dari rukun ﷺ, iaitu seorang muslim yang sudah jelas mengucapkan kalimah Tauhid ini,maka ia wajib menolak dan mengingkari semua yang disembah selain Allah Ta'ala.Semua yang disembah dan diibadahi selain Allah Ta'ala adalah batil.

Dan ia pun wajib menetapkan bahawa satu-satunya yang benar dan wajib diibadahi hanya Allah Ta'ala sahaja.Kita wajib beribadah hanya kepada Allah Ta'ala dan tidak boleh kepada selain-nya. Sepertimana firman Allah Ta'ala:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ هُوَ الْبَطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ أَكْبَرُ

“Demikianlah (kebesaran Allah) kerana Allah,Dia-lah (Tuhan) Yang Haq (untuk diibadahi). Dan apa saja yang mereka ibadahi selain Dia,itulah yang batil.Dan sungguh Allah,Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.” (al Hajj:62)

## 2.3 Syarat

Setiap dari kita hendaknya mengetahui dan menyedari bahawa ﴿اللهُ أَكْبَر﴾ ini tidak akan diterima dari yang mengucapkannya jika sekadar di lisan sahaja, tanpa memenuhi hak-hak dan kewajiban kalimat tersebut dan berbagai syarat yang terdapat di dalam al-Quran dan As-Sunnah.

Para ulama salaf mengisyaratkan pentingnya memerhatikan syarat-syarat dan kewajiban ﴿اللهُ أَكْبَر﴾ seperti yang dinukilkhan dari ;

- a. **Hassan al Basri rahimahullah** bahawa dia pernah ditanya,:

”Orang-orang mengatakan bahawa barangsiapa yang mengucapkan ﴿اللهُ أَكْبَر﴾ ia masuk syurga, bagaimana? Hassan al Basri rahimahullah menjawab,”Barangsiapa yang mengucapkan ﴿اللهُ أَكْبَر﴾ kemudian memenuhi syarat dan kewajibannya,ia akan masuk syurga.” (al Hujjah fii Bayaanil Manhajjah/II/152)

- b. **Wahab bin Munabbih<sup>13</sup> rahimahullah** pernah disoal,

”Bukankah kunci syurga itu ialah ﴿اللهُ أَكْبَر﴾ ?”.Maka dia menjawab:”Betul...tetapi tidaklah sesuatu itu dipanggil sebagai kunci melainkan ia mempunyai gigi-giginya.Maka sekiranya kamu diberi kunci yang mempunyai gigi, niscaya akan terbuka.” (Riwayat Bukhari secara ta’liq)

- c. **Ibnu Rajab rahimahullah** mengatakan-dengan menukil sekumpulan ulama:

”Sesungguhnya kalimat Tauhid merupakan sebab masuknya seseorang ke dalam Syurga dan selamat dari api Neraka,akan tetapi ia memiliki syarat-syarat.” (Memahami Kalimat Syahadat Menurut ‘Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah,Yazid bin Addul Qadir Jawas)

Maka menurut ketetapan para ulama berdasarkan penelitian dan penelaahan terhadap Al-Quran dan As-Sunnah, **gigi-gigi kunci** atau **syarat-syarat ﴿اللهُ أَكْبَر﴾** adalah **lapan(8)** perkara iaitu:

- i. **Ilmu**-mengetahui maknanya yang meniadakan dan menetapkan agar menghapus sifat bodoh terhadap makna tersebut.
- ii. **Yakin** yang menghapus keragu-raguan
- iii. **Ikhlas** yang menghapus syirik dan riya’
- iv. **Jujur** yang menghapus pendustaan
- v. **Cinta** yang menghapus kebencian
- vi. **Tunduk dan Patuh** yang menghapus kemalasan
- vii. **Menerima** yang menghapus penolakan
- viii. **Kufur(Inkar)** terhadap **Sesembahan-sesembahan selain Allah Ta’ala**

<sup>13</sup> Seorang ulama tabi’in yang terkenal, lahir di zaman khalifah Usman bin Affan *radiallahhu’anhу* pada tahun 34H dan meninggal pada tahun 114H

Berikut ini penjelasan terperinci berhubung kelapan-lapan syarat di atas. Semoga kita dapat memahaminya dengan jelas dan merealisasikannya dalam kehidupan kita sehingga kita bertemu dengan Allah Ta'ala

### i. **Ilmu** للجهل:#(العلم) المنافي

Mengetahui maknanya yang meniadakan dan menetapkan agar menghapuskan sifat bodoh terhadap makna tersebut.

فَاعْلَمْ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ..... ﴿١١﴾

“Maka ketahuilah bahawa tiada ilah(yang berhak diibadahi dengan benar) selain Allah..” (Muhammad:19)

Maksudnya orang yang mengucapkan لا إله إلّا الله itu tahu bahawa kalimat itu meniadakan semua penyembahan kepada selain Allah Ta'ala dan menetapkan penyembahan tersebut hanya kepada-Nya sahaja.

وَلَا يَمْلِكُ الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ الْشَّفَاعةَ إِلَّا مَنْ شَهَدَ بِالْحَقِّ وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿٨٦﴾

“dan sembah-sembahan yang mereka sembah selain Allah, tidak dapat memberi syafa'at, akan tetapi(orang yang dapat memberi syafa'at ialah) orang yang mengakui yang hak(tauhid) dan mereka menyakini(nya).”(Az-Zukhruf:86)

أَمَّنْ هُوَ فَقِيتُ إِنَّا إِلَيْ لَهُ سَاجِدًا وَقَاءِمًا تَحْذِرُ الْآخِرَةَ وَبَرِّجُوا رَحْمَةَ رَبِّهِ قُلْ هَلْ يَسْتَوِي الَّذِينَ يَعْلَمُونَ وَالَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ إِنَّمَا يَتَدَكَّرُ أُولُوا الْأَلْبَابِ ﴿٩﴾

“Apakah kamu hai orang musyrik yang lebih beruntung) ataukah orang yang beribadat di waktu-waktu malam dengan sujud dan berdiri, sedang ia takut kepada (azab) akhirat dan mengharapkan rahmat Tuhan? Katakanlah: ”Adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui? ” Sesungguhnya orang yang berakallah yang dapat menerima pelajaran.” (Az-Zumar:9)

Dalam shahih Muslim(no.26) dari Usman bin Affan radiallahhu'anhu, Rasulullah sallallahu'alaihi wasallam bersabda:

مَنْ مَاتَ وَهُوَ يَعْلَمُ أَنَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَنَ الْجَنَّةَ.

“Barangsiapa yang mati sedang dia mengetahui bahwasanya tiada ilah yang berhak diibadahi dengan benar selain Allah, niscaya dia masuk syurga.”

Lawan dari kata ilmu adalah jahil atau bodoh. Kebodohan inilah yang menyebabkan sebilangan orang di kalangan umat Islam melakukan kesyirikan.

ii.

## المنافي للشك #(اليقين) Yakin

Maksudnya bahawa yang mengucapkan itu hendaklah berkeyakinan kuat sehingga tidak ragu-ragu lagi terhadapnya. **Yakin** adalah **puncak atau kesempurnaan dari mengetahui**.

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ إِمَانُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ثُمَّ لَمْ يَرْتَابُوا وَجَهَدُوا بِأَمْوَالِهِمْ  
وَأَنْفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ أُولَئِكَ هُمُ الصَّادِقُونَ ﴿١٥﴾

“Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu, daa mereka berjihad dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar.” (al-Hujurat:15)

Firman Allah Ta’ala,”**kemudian mereka tidak ragu-ragu**”, maksudnya mereka yakin atau tidak ragu-ragu bahawa Allah Ta’ala sahajalah satu-satunya ilah(sesembahan) yang berhak diibadahi dengan benar serta dia benar-benar yakin tidak ada satu ilah pun yang berhak untuk diibadahi dengan benar selain Allah Ta’ala.

Dalam Shahih Muslim(no.27) dari Abu Hurairah *radialliahhu’anhу*, Rasulullah *sallallahu’alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ يَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنِّي رَسُولُ اللَّهِ لَا يُلْقَى اللَّهُ بِهِمَا عَبْدٌ غَيْرَ شَاكِرٍ فِيهَا إِلَادْخَلُ  
الْجَنَّةَ .

“Sesiapa yang mengucapkan bahawa tidak ada ilah yang berhak diibadahi dengan benar kecuali Allah dan sesungguhnya aku Rasulullah, tidaklah seorang hamba menemui Allah dengan dua kalimah syahadah tanpa syak (ragu-ragu) dengannya maka tidak lain kecuali dia akan dimasukkan ke syurga”.

Diriwayat yang lain: “Tidaklah seorang hamba menemui Allah Ta’ala dengan dua kalimah syahadah tersebut tanpa ada syak tentangnya maka baginya adalah syurga”.

Masih dalam Shahih Muslim dari Abu Hurairah *radialliahhu’anhу*, Rasulullah *sallallahu’alaihi wasallam* bersabda:

مَنْ لَقِيتُ مِنْ وَرَاءِ هَذَا الْحَاطِطِ يَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُسْتَيْقِنًا بِهَا قُبَّةُ فَبَشِّرْهُ بِالْجَنَّةِ .

“Sesiapa yang menemui aku di sebalik tembuk ini sedangkan dia bersaksi bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dengan penuh keyakinan terhadapnya di hatinya, maka berilah khabar berita gembira kepadanya dengan syurga.”

**Lawan dari yakin** adalah ragu,bimbang,berprasangka dan berpraduga.Apabila dia ragu terhadap makna sebenarnya dari kalimah ini atau dia bimbang dalam menolak segala bentuk peribadatan kepada selain Allah Ta'ala,maka kalimah syahadah لا إله إلا الله tidak bermanfaat baginya!

### iii. Ikhlas # (الإخلاص) المنافي للشرك

Ikhlas yang **menghapus syirik** dan **riya'**. Maksudnya bahawa لا إله إلا الله itu hanya akan terbukti dengan membersihkan amal dari segala kotoran lahir dan batin, iaitu dengan **mengikhlaskan niat hanya kerana Allah Ta'ala** dalam setiap ibadah atau penyembahan. Firman Allah Ta'ala:

وَمَا أَمْرُوا إِلَّا لِيَعْبُدُوا اللَّهَ مُخْلِصِينَ لَهُ الْدِينَ حُنَفَاءٌ وَيُقِيمُوا الصَّلَاةَ وَيُؤْتُوا الزَّكُوْةَ

وَذَلِكَ دِينُ الْقِيَمَةِ ﴿٤﴾

"Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah dengan mengikhlaskan ibadat kepadaNya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan solat serta memberi zakat. dan yang demikian itulah agama yang benar. " (al Bayyinah:5)

Nabi sallallahu 'alaihi wasallam bersabda :

مَنْ قَالَ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُخْلِصًا دَخَلَ الْجَنَّةَ.

"Barangsiapa mengucapkan (لا إله إلا الله) "Tidak ada Tuhan (yang wajib diibadahi/disembah) melainkan Allah" dengan penuh keikhlasan, maka dia (berhak) masuk syurga".<sup>14</sup>

Apabila seorang hamba **memalingkan mana-mana jenis ibadah** yang dilakukannya kepada selain Allah Ta'ala, maka dia telah melakukan kesyirikan. Apabila seseorang berdoa atau meminta tolong di saat kesulitan atau ibadah lainnya kepada selain Allah Ta'ala, misalnya **kepada Nabi,Wali,Malaikat** atau **berhala,jin** atau lainnya,maka sungguh ia telah menyengutukan Allah Ta'ala dengan kesyirikan yang besar!

Begitu pula apabila ada orang yang beribadah akan tetapi tujuannya ingin dipuji dan disanjung manusia,maka ia telah melakukan **Riya'-Syirik** kecil-dan ibadahnya tidak diterima.

Oleh kerana itu,**wajib membersihkan amal** dari seluruh noda-noda kesyirikan agar amal tersebut diterima oleh Allah Ta'ala.

<sup>14</sup>. H/R Bazzar. Menurut Al-Albani hadith sahih (Lihat: Sahihul Jami').

#### iv. Jujur (الصدق) # المنافي للكذب

Maksud jujur di sini ialah melaksanakan tuntutan لا إله إلا الله yang telah diucapkan dalam kehidupan sehari-hari dengan penuh kejujuran tanpa sebarang sikap menyembunyikan sesuatu di dalam hatinya yang bersifat menentang, ingkar atau membenci.

Allah Ta'ala berfirman:

الَّمَّا أَحَسِبَ النَّاسُ أَنْ يُتَرْكُوا أَنْ يَقُولُوا إِيمَانًا وَهُمْ لَا يُفْتَنُونَ ۚ وَلَقَدْ فَتَنَّا  
الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ فَلَيَعْلَمَنَّ اللَّهُ الَّذِينَ صَدَقُوا وَلَيَعْلَمَنَّ الَّذِينَ كَذَبُوا

"Alif, Laam, Miim. Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan(saja) mengatakan: "Kami telah beriman", sedangkan mereka tidak diuji lagi? dan sesungguhnya kami telah menguji orang-orang yang sebelum mereka, maka sesungguhnya Allah mengetahui orang-orang yang benar dan sesungguhnya Dia mengetahui orang-orang yang dusta." (al-Ankabut:1)

Dalam *Al-Shahihain* dari Mu'az bin Jabal *radiallahu'anhu*, Nabi *sallallahu'alaihi wasallam* bersabda :

ما من أحد يشهد أن لا إله إلا الله، وأن محمدا رسول الله صدق ما من قبله الا حرمته الله على النار

"Tidaklah seorang yang bersaksi bahawasanya tiada ilah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah dan Muhammad adalah utusan Allah dengan jujur dari hatinya kecuali Allah mengharamkannya memasuki neraka." (Shahih Bukhari no 128 dan Muslim no. 32 dan ini lafaz beliau)

Jangan menjadi seperti orang munafik, mereka hanya mengucapkannya dengan lisan tetapi tidak diikuti dengan hati dan perbuatan. Ucapan mereka dianggap dusta kerana berbeza antara zahir dengan batinnya.

إِذَا جَاءَكَ الْمُنَافِقُونَ قَالُوا نَشْهُدُ إِنَّا لَرَسُولُ اللَّهِ وَاللَّهُ يَعْلَمُ إِنَّا لَرَسُولُهُ وَاللَّهُ يَشْهُدُ  
إِنَّ الْمُنَافِقِينَ لَكَذِبُوتَ

"Apabila orang-orang munafik datang kepadamu , mereka berkata: "Kami mengakui bahawa sesungguhnya kamu benar-benar Rasul Allah". dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya engkau benar-benar RasulNya, dan Allah mengetahui bahawa sesungguhnya orang-orang munafik itu benar-benar orang pendusta." (al-Munafiqun:1)

Dalam ayat ini, Allah Ta'ala menyebut orang munafik dengan sifat dusta kerana ucapan mereka tidak pernah sejalan dengan hatinya.

Begitu juga dalam ayat yang lain, Allah Ta'ala berfirman:

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَقُولُ إِيمَانًا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٨﴾ تَخْنَدِعُونَ اللَّهُ وَالَّذِينَ إِيمَانُوا وَمَا تَخْنَدِعُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ وَمَا يَشْعُرُونَ

*“Dan di antara manusia ada yang berkata: ‘Kami beriman kepada Allah dan hari Akhir,’ padahal sesungguhnya mereka itu bukanlah orang-orang yang beriman. Mereka menipu Allah dan orang-orang yang beriman, padahal mereka hanyalah menipu diri sendiri tanpa mereka sedari.” (al Baqarah:8-9)*

#### v. Cinta (المحبة) المنافاة لضدتها وهو البغضاء #

Sesiapa yang mencintai Allah Ta’ala, maka ia pasti akan mencintai agama Allah Ta’ala. Maka ia pasti mencintai kalimah syahadah ini, mencintai isinya dan apa-apa yang ditunjukkan atasnya.

Sebaliknya sesiapa yang tidak mencintai Allah Ta’ala, ia pasti tidak akan mencintai agamanya dan membencinya dan selanjutnya akan menolak ajaran Allah Ta’ala, membenci Islam dan penganutnya yang menjalankan perintah-perintah dan menjauhi segala tegah-Nya. Bermakna dia benci terhadap kalimah Tauhid ini!

Pada masa yang sama dia hendaklah juga membenci orang yang mengingkari الله إلا serta melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengannya seperti syirik dan kekafiran.

وَمِنَ النَّاسِ مَنْ يَتَّخِذُ مِنْ دُونِ اللَّهِ أَنْدَادًا تُحِبُّهُمْ كَحُبِّ اللَّهِ وَالَّذِينَ إِيمَانُوا أَشَدُ حُبًّا لِلَّهِ

*“Dan di antara manusia ada orang-orang yang menyembah tandingan-tandingan selain Allah: mereka mencintainya sebagaimana mereka mencintai Allah. Adapun orang-orang yang beriman sangat cinta kepada Allah.” (al-Baqarah:165)*

ثلاث من كن فيه وجد بهن حلاوة الإيمان : من كان الله ورسوله أحب إليه مما سواهما، وأن يحب المرء لا يحبه إلا كذلك ، وأن يكره أن يعود في الكفر بعد أن أنقذه الله منه، كما يكره أن يقذف في النار

*“Ada tiga perkara yang barangsiapa yang memiliki ketiganya,maka dia akan merasakan kemanisan iman:hendaklah Allah dan Rasul-Nya lebih dia cintai daripada yang lainnya,hendaknya dia mencintai seseorang,tidak mencintainya melainkan kerana Allah,dan dia benci kembali kepada kekafiran sebagaimana dia tidak suka dicampakkan ke dalam api.” (Hadis riwayat Bukhari no.16,21,6041, dan Muslim di dalam Kitabul Iman no. 43)*

Allah Ta'ala juga memberikan syarat bagi orang-orang yang mengaku cinta kepada-Nya, bahawa mereka harus mencintai Rasul-Nya dan mengikuti Sunnah beliau.

Allah Ta'ala berfirman :

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحِبِّبُكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرَ لَكُمْ ذُنُوبُكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴿١٦﴾

"Katakanlah(Muhammad), 'Jika kamu mencintai Allah, ikutilah aku,niscaya Allah mencintaimu dan mengampuni dosa-dosamu,Allah Maha Pengampun,Maha Penyayang.'"

(al Imran:31)

#### vi. Menerima للرد# (القبول) المنافي للرد#

Maksudnya,menerima seluruh kehendak dari kalimah لا إله إلا الله secara keseluruhan dengan diamalkan melaui ucapan(lisan),tanpa adanya penolakan dengan disertai kedengkian dan kesombongan sedikit pun.

Sebahagian manusia ada yang telah mengucapkan kalimah tauhid ini dan mengetahui makna kandungannya tetapi dia tidak menerima jika ada orang yang mengajak kepada kalimah tersebut, apakah kerana sompong atau dengki atau sebab-sebab yang lain.

Al-Quran mendedahkan sikap kaum musyrikin yang mana mereka itu amat memahami makna kalimah لا إله إلا الله bahkan membenarkan risalah Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* namun mereka enggan menerimanya bahkan menentang disebabkan oleh kesombongan mereka.

Firman Allah Ta'ala:

إِنَّهُمْ كَانُوا إِذَا قِيلَ لَهُمْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ يَسْتَكْبِرُونَ ﴿٢٥﴾ وَيَقُولُونَ أَئِنَّا لَنَارِكُوْا إِلَهُنَا لِشَاعِرٍ مَّجْنُونٍ ﴿٢٦﴾

"Sebenarnya mereka dahulu apabila dikatakan kepadanya;" (ketahuilah, bahawa) tiada ilah yang berhak diibadahi dengan benar melainkan Allah" - mereka bersikap takbur mengingkarinya,serta mereka berkata: " Patutkah Kami mesti meninggalkan tuhan-tuhan yang kami sembah, kerana mendengar ajakan seorang penyair gila?"  
(As-Shaffat:35-36)

Para tokoh Yahudi maupun Nashrani telah mengetahui bahawa makna dari kalimah syahadah ini,namun mereka menolaknya disebabkan kesombongan dan kedengkian.

Mereka mengetahui bahkan mengakui bahawa hanya Allah Ta'ala sajalah yang berhak diibadahi dengan benar dan mereka mengetahui tentang Nabi Muhammad *sallallahu 'alaihi wasallam* dengan baik sebagaimana mereka mengenali anak-anak mereka sendiri,namun mereka menolaknya!

Allah Ta'ala berfirman tentang mereka:

وَدَّ كَثِيرٌ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ لَوْ يَرُدُونَكُمْ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِكُمْ كُفَّارًا حَسَدًا مِنْ عِنْدِ أَنفُسِهِمْ مِنْ بَعْدِ مَا تَبَيَّنَ لَهُمُ الْحَقُّ فَاعْفُوا وَاصْفَحُوا حَتَّىٰ يَأْتِيَ اللَّهُ بِأَمْرِهِ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ

“Banyak di antara Ahli Kitab menginginkan sekiranya mereka dapat mengembalikan kamu setelah kamu beriman menjadi kafir kembali, kerana rasa dengki dalam diri mereka, setelah kebenaran jelas bagi mereka. Maka maafkanlah dan berlapang dadalah sampai Allah memberikan perintah-nya. Sesungguhnya Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu.” (al Baqarah:109)

#### vii. Tunduk dan Patuh # (اللتقياد)

Maksudnya sudah jelas iaitu tunduk atau patuh serta taat melakukan segala yang diperintah dan meninggal segala yang ditegah dengan sepenuh hati tanpa merasa berat dan terpaksa.

وَمَنْ يُسْلِمْ وَجْهَهُ إِلَى اللَّهِ وَهُوَ مُحْسِنٌ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرُوهِ الْوُثْقَىٰ وَإِلَى اللَّهِ عَاقِبَةُ الْأُمُورِ  
وَمَنْ كَفَرَ فَلَا تَحْزُنْنَاهُ كُفُّرُهُ إِلَيْنَا مَرْجِعُهُمْ فَنُنَبِّهُمْ بِمَا عَمِلُوا إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ بِذَاتِ الْأَصْدُورِ  
نُمَتِّعُهُمْ قَلِيلًا ثُمَّ نَضْطَرُهُمْ إِلَى عَذَابٍ غَلِيظٍ

“dan sesiapa yang berserah diri bulat-bulat kepada Allah (dengan ikhlas) sedang ia berusaha mengerjakan kebaikan, maka Sesungguhnya ia telah berpegang kepada simpulan (tali ugama) yang teguh dan (ingatlah) kepada Allah jualah kesudahan segala urusan. dan sesiapa yang kufur ingkar, maka janganlah engkau (Wahai Muhammad) berduakacita tentang kekufurannya itu; kepada Kamilah tempat kembalinya mereka, kemudian Kami akan memberitahu kepada mereka tentang apa yang mereka telah kerjakan. Sesungguhnya Allah Maha mengetahui akan segala (isi hati) yang terkandung di dalam dada. Kami akan berikan mereka menikmati kesenangan bagi sementara (di dunia), kemudian Kami akan memaksa mereka (dengan menyeretnya) ke dalam azab yang amat berat. “(Luqman:22-24)

#### viii. Kufur (Ingkar) Terhadap Sesembahan-sesembahan Selain Allah Ta’ala

Sepertimana yang disabdakan oleh Rasulullah *sallallahu ’alaihi wasallam* ;

من قال الله الا الله وكفر بما يعبد من دون الله حرث ماله ودمه، وحسبا به على الله عزوجل

“Barangsiaapa yang mengucapkan Tidak ada ilah yang berhak diibadah dengan benar melainkan Allah dan mengingkari(sesembahan-sesembahan) selain Allah,maka haramlah harta dan darahnya,dan hisab(perhitungan amal)nya diserahkan kepada Allah Ta’ala.” (HR Muslim no.23 dari Abu malik dari ayahanya *radiallahhu’anhuma*.)

Seorang muslim yang bertauhid, yang beribadah hanya kepada Allah Ta'ala semata-mata dengan ikhlas,maka wajib ia mengingkari dan menolak semua yang disembah selain Allah Ta'ala. Semua yang disembah oleh manusia selain Allah Ta'ala adalah batil seperti menyembah Malaikat,menyembah Nabi Muhammad,Nabi Isa 'alaihissalam, matahari,bumi,bulan,pohon,jin,benda-benda keramat,kubur-kubur para wali dan selainnya

Semuanya adalah batil dan merupakan kezaliman yang sangat besar dan amt dimurkai oleh Allah Ta'ala. Kita wajib mengingkari semua sesembahan yang disembah dan diibadahi selain Allah Ta'ala. Dan kita pun wajib mengikhaskan seluruh bentuk ibadah hanya kepada Allah Ta'ala.

Seluruh bentuk ibadah wajib kita tujuhan hanya kepada Allah Taala saja dan tidak boleh dipalingkan kepada selain dari-Nya! Allah Ta'ala satu-satunya yang wajib diibadahi dan semua yang diibadahi selain Allah Ta'ala adalah batil seperti mana firman Allah Ta'ala:

ذَلِكَ بِأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْحَقُّ وَأَنَّ مَا يَدْعُونَ مِنْ دُونِهِ أَلْبَطِلُ وَأَنَّ اللَّهَ هُوَ الْعَلِيُّ الْكَبِيرُ

*“Demikianlah kerana sesungguhnya,Dialah (Tuhan) yang sebenarnya dan apa saja yang mereka seru selain Allah adalah batil.Dan sesungguhnya Allah,Dialah Yang Maha Tinggi lagi Maha Besar.”* ( Luqman:30)

Alhamdulillah selesai sudah penjelasan berkaitan makna,rukun dan syarat kalimah syahadah لا إله إلا الله ,dan seterusnya kita akan memasuki perbahasan point ke 2 dari matan yang disebut oleh asy Syeikh Abdul Qadir rahimahullah .

*Wallahhu 'lam, walhamdulillah.*

### **Catatan**

Untuk perbahasan berkaitan matan ini, saya banyak mengambil manafaat dari kitab-kitab berikut:

1. Yazid bin Abdul Qadir Jawas,**Memahami Kalimat Syahadat Menurut ‘Aqidah Ahlus Sunnah wal Jama’ah**,Media Tarbiyah,2013
2. Imam Fakhruddin ar-Razi,**Tafsir Kalimat Tauhid**,Pustaka Hidayah,2004
3. Ibrahim bin asy-Syaikh Shalih bin Ahmad al-Khuraishi,**Penjelasan Hal-Hal yang Wajib Diketahui Oleh Setiap Muslim dan Muslimah**,Pustaka Imam asy-Syafi'i,2004